

Asalkan ikhlas bagi memberi kebaikan kepada rakyat - Abdullah

Saya rela ditegur'

Oleh SAMSOR JUNET
dan NAZRULLAH ROSLI

KUANTAN 10 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan beliau boleh ditegur pada bila-bila masa asalkan teguran itu ikhlas dan bertujuan memberi kebaikan kepada rakyat.

Dalam masa yang sama, beliau mahu semua pihak tidak mengambil pendekatan 'kata-mengata' dan 'dengki-mendengki' yang tidak mendatangkan faedah kepada negara.

Katanya, beliau memberikan ruang secukupnya kepada semua pihak meluahkan pandangan dan teguran kerana tidak lagi mahu budaya 'okey, okey' seperti yang pernah diamalkan sebelum ini, terutamanya semasa membuat sesuatu keputusan penting.

"Semalam, saya mempengerusikan mesyuarat jemaah menteri, membincangkan tentang bajet untuk tahun depan. Sekarang ini, menteri-menteri kita banyak bercakap, tak macam dulu," katanya pada majlis perjumpaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam Pahang di sini hari ini.

Jelas Abdullah, ada kalanya berlaku kesilapan yang boleh ditegur dan pendekatan nasihat sesama sendiri boleh digunakan.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, semua pihak yang menegurnya juga perlu terlebih dahulu mengambil kira dan memahami serba sedikit gaya kerjanya yang mungkin berlainan dengan orang lain.

"Kita janganlah kata-mengata ataupun nak buat kacau itu dan ini, kerana itu tak baik, jangan buat angka, jangan buat ancaman yang boleh merosakkan kekuatan parti kerana kita ada tugas lebih besar untuk rakyat, inijANJI kita," jelas beliau.

Kata Abdullah, satu ciri pentadbirannya yang agak unik ialah kesanggupannya mengorbankan masa untuk mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak sehingga ada kalanya perkara itu ditafsirkan sebagai kegagalan menguruskan masa.

"Bukan salah saya untuk ambil masa, ambil pandangan rakan-rakan sekerja, saya percaya pemikiran ramai adalah keputusan

• Lihat muka 2



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Najib Tun Razak dan Adnan Yaakob (terlindung) melambaikan tangan kepada orang ramai sebaik tiba di Stadium Tertutup SUKPA, Kuantan, Pahang, semalam.

• BERNAMA

Sambungan dari muka 1

'Saya rela ditegur'

yang lebih teguh daripada dibuat oleh seorang," jelas beliau.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar, Datuk Seri Adrian Yaakob, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaluddin Jarjis.

Beliau berada di Pahang untuk lawatan rasmi dua hari bagi meninjau perjalanan pentadbiran negeri dan permulaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Abdullah menekankan bahawa projek-projek dalam RMK-9 disusun untuk semua pihak dan bukannya telah diberikan kepada orang-orang tertentu atau mereka yang dilabel sebagai 'orang-orangnya'.

Beliau berkata kerajaan bergantung 100 peratus kepada anggota perkhidmatan awam dalam menjayakan projek-projek dalam rancangan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, dalam melaksanakan projek-projek berkenaan, ada pihak-pihak tertentu yang bersikap seperti 'iblis' yang cuba mengganggu usaha membangunkan negara kerana 'iblis' merasakan ia

lebih pandai daripada orang lain.

"Adam dihidupkan dan malaikat menerima Adam untuk menjadi khalifah. Dan yang menentang adalah iblis. Allah telah tunjukkan bahawa Adam itu lebih bijak daripada iblis.

"Jadi, asas utama Allah memilih Adam sebagai khalifah ialah kerana kepandaian-nya," katanya.

Pada satu acara bersama rakyat, Perdana Menteri juga menasihati rakyat agar mengamalkan sikap tegur-menegur dan memberi pandangan untuk terus memperbaiki diri agar perpaduan, muafakat dan kerjasama antara rakyat tidak rosak.

"Jangan sesekali amalkan pendekatan yang boleh merosakkan perpaduan iaitu pendekatan yang menyusahkan muafakat dan kerjasama. Ini pantang dan jangan dilakukan.

"Wujudkan amalan tegur menegur dalam amalan kita bermuhasabah secara kumpulan dan beri pandangan untuk kita perbaiki lagi apa yang kita usahakan. Itu adalah penting untuk kita baiki muafakat dan kerjasama bagi menguatkan perpaduan," katanya ketika berucap di Stadium Tertutup Sukpa di sini.